

3,381 penuntut bakal graduan

S/Harian
11/10/2014

m/s : 38

BATU PAHAT - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar selaku Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dijangka mencemar duli untuk menyempurnakan sidang pertama Majlis Konvokesyen Kali ke-14 universiti berkenaan.

Seramai 29 graduan Ijazah Doktor Falsafah, 487 Ijazah Sarjana, 2,242 Ijazah Sarjana Muda dan 623 adalah di peringkat Diploma bakal diraikan dan menerima skrol masing-masing pada istiadat konvokesyen itu.

Pendaftar UTHM, Abdul Halim Abdul Rahman berkata, konvokesyen itu akan diadakan di Dewan Sultan Ibrahim bermula bermula jam 9 pagi pada 11 hingga 13 Oktober ini.

Menurutnya, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa juga akan dimahsyurkan sebagai Pro-Canselor kedua UTHM disamping Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim pada sidang konvokesyen pertama.

"Majlis konvokesyen kali ini juga akan menyaksikan lagenda badminton negara, Datuk Misbun Sidek dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Sains (Pembangunan Insan) bersama Presiden Nagaoka University of Technology, Dr Koichi Niihara (Kejuruteraan Mekanikal) dan Profesor dari University of Bremen, Profesor Dr Georg Spottl (Pendidikan Teknikal).

"Penganugerahan itu adalah sebagai salah satu penghargaan dan pengiktirafan UTHM terhadap sumbangan yang dicurahkan oleh ketiga-tiga mereka terhadap pembangunan modal insan negara melalui bidang masing-masing," katanya